

### **BAB III**

## **PEMBERONTAKAN ROSLI DHOBY TERHADAP PENJAJAH INGGRIS**

#### A. Sejarah Rosli Dhoby Dan Rukun 13

Sarawak akan meraikan ulang tahun ke 53 Kemerdekaannya pada tahun 2016. ini merupakan saat terbaik untuk meningati kembali perjuangan dan pergorbanan para pahlawan negeri. Rosli Dhoby, Seorang anak yang berusia 17 tahun telah memberanikan diri menikam Gabenor Duncan Stearward di Sibu pada tahun 1949. Sebagai akibat daripada tindakan nekad itu, Rosli Dhoby dan tiga rakannya Morsidi Sidek, Awang Rambli, Bujang Suntong telah menerima hukuman gantung sampai mati dipenjara Kuching pada Maret 1950. Dan mereka telah dianugerahkan sebagai pahlawan untuk Negeri Sarawak dan disemadikan di pemakaman Islam di Sibu Sarawak.<sup>27</sup>

Setiap kali menjelang Hari kemerdekaan, Nama mereka pasti di ingati dan dijulang tinggi sebagai anak bangsa yang telah berkorban nyawa demi menuntut kemerdekaan Negeri Sarawak, Tetapi ramai yang sekadar tahu menyebut nama mereka. Memandangkan belum banyak yang diketahui tentang kisah sebenar di sebalik peristiwa mengemparkan itu, Maka saya telah mengambil inisiatif untuk melakukan skripsi saya dan penulisan tentang kisah berkenaan. Penulisan ini adalah untuk membongkar kisah sebenar di sebalik peristiwa berkenaan, Terutamanya konspirasi yang dicetuskan oleh Kumpulan Rukun Tiga Belas di Journey End Sibu pada 20 Agustus 1948. Penulisan ini

<sup>27</sup> Amir Jeniri, *a Malaysian nationalis in 1949* (Kuching: Fajar bakti, 2003), 31.

akan memaparkan banyak maklumat baharu berkaitan dengan pembunuhan berkenaan.

Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) ditubuhkan di Sibu pada 1946 sebagai serpihan daripada persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS). Berbanding PKMS yang konvensional sifatnya, PPM yang di anggotai mereka yang berdarah muda mempunyai matlamat dan agenda perjuangan yang berbeza. Pada awalnya, PPM menggunakan bahagian atas rumah Abang Ahmad Abang Ali yang terletak di beakang Kampung Datu Sibu sebagai tempat operasi. Presiden pertama ialah Mohammad Sirat Hj Yaman, manakala setiausaha Agung ialah Suut Turki dan Timbalan beliau ialah Abang Ahmad. Usaha dijalankan oleh ahli jawatankuasa untuk bergerak dari kampung ke kampung dengan tujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan PPM kepada para penduduk. Selain berusaha menambah ahli, terdapat 32 cawangan PPM di seluruh bahagian ketiga.

Sesuai dengan matlamatnya untuk menyatukan rakyat di bahagian ketiga, keanggotaannya terdiri daripada golongan muda daripada pelbagai kawasan di Rajang, Belaga hingga ke Mukah. Pergerakan berkenaan berjuang untuk menentang penyerahan Sarawak kepada Britsh, Sama seperti perjuangan PKMS. PPM menggunakan warna merah dan putih di papan tanda dan lencana, Yaitu warna kebangsaan yang digunakan sejak dahulu. ahlinya terdiri daripada orang Melayu dan Melanau, Selain turut berjaya menarik perhatian orang Iban, Kayan, Dan kaum bumiputera lain.

### **B. Kunjungan Pertama Arden Clarke**

Ketika Arden Clarke mengadakan kunjungan pertama ke Sibu pada bulan Nopember 1946, PPM telah memperlihatkan belangnya dengan mengadakan tunjuk rasa.<sup>28</sup> Mereka memamerkan poster *anti-cession* bagi menunjukkan sentimen masyarakat di Sibu terhadap keputusan yang di anggap merugikan rakyat Sarawak itu dan mereka semakin berani. Pada Januari 1947, Abang Han dan Abang Ahmad Abang Haji Abu Bakar telah bertolak ke Miri dengan menggunakan kapal Meluan dengan tujuan mereka untuk mencari perkeraan. Pada jam 8.00 pagi, 17 januari, Mereka berjumpa Gilbert di pejabatnya, Residen Bahagian Keempat itu telah meminta mereka menemui beliau karena sangsi dengan tujuan mereka berada di kota tersebut.

Setelah beberapa jam perjalanan mereka telah selamat sampai ke Miri dan bertemu dengan Residen Bahagian keempat itu, Residen tersebut bertanya kepada mereka "Adakah tujuan mereka hendak mengembangkan dan menjalankan kerja *anti-cession*. Dan mereka menyatakan hasrat mereka sebenarnya hanya untuk mencari kerja jelas Abang Han. Sesudah perjumpaan itu, Dua tiga hari kemudian Abang Han pun mendapat perkerjaan di Jabatan Makmal Sarawak Shell, Penyelia pekerja di syarikat itu ada berjumpa dengan ketua jabatan tempat Abang Han berkerja. Dan ketua jabatan tersebut telah memberi amaran kepada beliau tentang penglibatannya dalam kegiatan antipenyerahan Sarawak kepada

<sup>28</sup> Wan Abu Bakar," Berjuang bersama Rosli Dhoby", berita harian ( 2 oktober 2001), 5.

British ketua jabatan beliau ada menerima telefon tentang perkara itu daripada pihak Residen. Maka, ketua beliau menasihati Abang Han agar tidak melakukan sesuatu tindakan atau kegiatan di dalam kawasan syarikat. dan Abang Han menerima arahan itu dengan hati yang terbuka dan Abang Han pun menunjukkan sepucuk surat daripada Anthony Brooke kepada penyelia itu. Anthony Brooke menyatakan, Jika mahu berkerja dengan syarikat berkenaan, Dia perlu bekerja dengan baik.<sup>29</sup>

Abang Han, ketua Bahagian Pemuda PPM dan Sirat Yaman pengerusi PPM baru balik daripada menemuai Anthony Brooke di Sea View Hotel, Singapura.<sup>30</sup> Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan dan analisis mereka, Diputuskan bahawa sesudah mendakar pelbagai cara membantah penyerahan Sarawak kepada pihak penjajah Britsh, Tindakan perlu diambil sama ada secara bantahan terus kepada Setiausaha tanah jajahan takluk yang berada dikota London atau melalui agen Inggris di Sarawak. Bagaimanapun, Semuanya tidak mendatangkan hasil karena itulah sebabnya Abang Han dan Awang Rambli terpaksa berjumpa dengan Gabenor Arden Clarke di pejabat Residen Bahagian Ketiga,Sibu.

Setiausaha Agung PPM, Awang Rambli mendakwa bahawa sokongan terhadap gerakan antipenyerahan semakin kuat dan meluas. Awang Rambli yang dilahirkan di muara Brunei pada 1912, Dan kedua-dua Ibu bapanya berasal dari Brunei. Gelaran Awang pada awal namanya membuktikan hakikat ini. Dia dijadikan anak angkat oleh seorang mandur di lombong arang batu di

<sup>29</sup> Rakawi Muhammad Yusuf, *Hikayat Sarawak (1890-1936)* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2011), 17.

<sup>30</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah* (Jenza, Kuching, 2013), 13.

brooketon dia juga pernah menetap beberapa tahun di kucing, Dan memperoleh pendidikan sehingga darjah tiga. Sebahgian antara perancang utama kegiatan PPM dan Rukun Tiga Belas,Awang Rambli, Yang luas pembacaannya merupakan seorang yang memiliki semangat perjuangan yang kental.Beliau pernah berkhidmat dalam jabatan Kastam mulai juli1929 hingga 1946 apabila beliau meletakkan jawatan bersama-sama kakitangan lain ekoran Circular No.9.

Sokongan sedemikian yang membangkitan keyakinan mereka untuk melancarkan tunjuk perasaan.itulah yang dilakukan pada 1 juli 1948 apabila beliau dan ahli PPM mengadakan tunjuk perasaan di bandar Sibu.keputusan berkenaan mengakibatkan Awang Rambli dijatuhkan hukuman penjara di bawah kanun keseksaan,Tetapi beliau telah berjaya melepaskan diri daripada tunduhan tersebut apabila dibawa ke Pengadilan Tinggi.

### C. Rukun Tiga Belas

Awang Rambli bersama-sama dengan 13 orang Ahli PPM, Termasuk presidenya,Mohammad Sirat HajiYaman secara sulit menujuhkan Rukun Tiga Belas. Angka 13 bagi sesetengah orang merupakan angka sial, Hingga cuba mengelak daripada cuba menggunakan karena dipercayai akan membawa malapetaka dan tragedi. Rukun Tiga Belas mempunyai pendekatan atau cara perjuangan yang lebih radikal dan drastik sebagai manifesasi darah panas anak muda yang senantiasa megeleggak akibat tidak sabar ingin melihat kemerdekaan Negeri yang tercinta.mereka mahu bertindak nekad dengan darah serta sanggup untuk mengorbankan jiwa dan raga biar nyawa

mereka sendiri yang melayang akhirnya.mereka merupakan golongan yang berani mati demi”rasa sayang kepada Sarawak”Semangat perjuangan mereka sentiasa membara dan tanpa mengenal sempadan.Akhirnya, kebanyakan mereka yang menanggotainya berdepan dengan malapetaka besar.matlamat kumpulan ini adalah bagi lilin, Sanggup mengorbankan diri bagi mencapai tujuan akhir dan mereka berpegang kepada prinsip tujuan menghalalkan cara.<sup>31</sup>

Mereka sanggup untuk bertindak nekad dan berita angin cepat tersebar dengan meluas ketika Duncan Stearwd diistiharkan sebagai Gabenor di Kuching pada 16 Nopember 1949. Dikatakan bahawa keganasan akan tercetus di Kuching dan Sibu, Tetapi ternyata itu hanya khabar angin yang tidak menjadi kenyataan. Antara sasaran untuk menjadi mangsa pembunuhan adalah Gabenor, Pegawai-pegawai Britsh dan Datu-Datu Melayu yang propenyerahan. nama lain yang termasuk dalam senarai ialah Datu Abang yan,Tuan Large Willie Geikie, Dan beberapa orang pegawai Anak Negeri termasuk Abang Kiprawi, Pegawai anak negeri Sarikay Abang Morsidi dan Abang Musthapa, Pegawai anak Negeri Abang Ibrahim,Abang Matrang dan Abang Razak serta Inspektor Dahlan.<sup>32</sup>

Mereka juga mempunyai senarai nama yang lebih pendek sebagai sasaran untuk dipukol. Diari Abang Han mengandungi nama mereka yang

<sup>31</sup>Wan Hussein Hazmi, *Kedatangan Islam dan Perkembangan di Alam Melayu ke VII M hingga abad ke XVVI M*, (Kuching: Marik, 1989), 20.

<sup>32</sup>Hj Ibrahim Masnon, *Islam di Brunei, Sabah dan Sarawak* (Kuala Lumpur: Penerbitan Asiana, 1998), 84.

menjadi sasaran untuk dipukul ialah Wan Razali,Abang urit dan seorang anggota polis yang bernama Maiku dan Pak Manjat.kumpulan ini sanggup bersumpah untuk menyimpan pakatan sulit mereka. Pegagan mereka ialah, biar pecah di perut, Jangan pecah dimulut.konspirasi itu dicetuskan di Dr E.M. Marjoribank, Seorang doktor perubatan terkenal yang pernah menjadi *principal Medical Officer* pada Agustus 1948. Di rumah beliau yang besar itu, Ahli kumpulan Rukun Tiga Belas masuk ke kawasan tengah,ke arah sungai merah dan ketika berada di rumah itu mereka berbincang dan sewaktu perbincangan itu bermula radio di pasang kuat supaya tiada siapa yang dapat mencuri perbualan mereka.

Dan mereka yang hadir itu berbual-bual dikamar dan mencetuskan konsprasi untuk membunuh Gabenor.Awang Rambli sebagai perancang utama cuba mempegaruhi mereka yang hadir.kata Beliau “ini merupakan mesyurat yang penting dan mesyurat ini dipanggil Rukun Tiga Belas,kita sudah lama berjuang tidak ada apa yang kita capai setakat ini. jika kita tidak lakukan sesuatu kerajaan Britsh tidak akan tahu dan kita ada empat belas orang di sini sebagai ketua daripada orang-orang *anti-cession* di sibu. kita mesti bertanggungjawab tentang masalah kembali atau tidak kemerdekaan Negeri Sarawak ini. Akan tetapi maksud kita maksud kita selalu terhalang dan terganggu oleh Tuan Gabenor menahankan di atas kemasukan Raja Muda

Anthony Brooke masuk ke Sarawak, Macam Tuan Gabenor mempunyai kuasa penuh.”<sup>33</sup>

Dan mengikut Awang Rambli ,Gabenor selalu memberi keterangan ke London sekiranya Anthony Brooke masuk ke Sarawak, Tentu menjadi kacau bilau dan berlakunya pembunuhan. Dan bagaimana kita dapat bertahan karena perkara ini telah berlaku terlalu lama dan ia memalukan”kata orang sekeliling. Jesteru,Awang Rambli mengemukaan suatu cadangan membentuk satu kumpulan untuk membunuh sesiapa sahaja yang mengganggu rakyat *anti-cession*, seperti Tuan Gabenor.

Menurut Awang Rambli “lebih baik serang dan tujuan Rukun Tiga Belas pertama adalah untuk membunuh Gabenor dan Residen dan juga Pegawai lain Britsh. Menyebarluaskan propaganda untuk menghasut pemuda melayu dan tujuan melancarkan pembunuhan pada masa depan, Sesiapa yang memberitahu tentang maklumat pertemuan ini kepada orang lain itu akan dilaknat. Dan sesiapa yang diberi tanggungjawab membunuh jika dia berubah fikiran dan tidak mahu melakukannya atau gagal melakukannya orang itu akan dibunuh dahulu sebelum orang lain dibunuh.Kemudian yang hadir pun menjamu selera dengan hidangan yang disediakan sambil perbincangan terus dijalankan. Tidak ada gunanya lebih baik kita bunuh mereka yang telah menjual negara ini dan mereka yang bersetuju dengan langkah itu mereka harus dibunuh, kata salah seorang ahli mereka. Akhirnya mereka meminum

<sup>33</sup> Ahmad Salam, *Datu Patinggi Abang Hji Salleh Abdillah dan ketua pemimpin masyarakat melayu sarawak pramerdeka* (Sibu: Jenza,1995), 20.

air yang di baca yasin sebagai tanda bahawa mereka berjanji dan taat setia untuk berkerjasama dan tidak memberitahu kepada sesiapapun, yang memberitahu kepada orang lain akan dibunu.

#### D. Tindakan Keras

PPM dianggotai oleh banyak anak muda,dan bendaharanya ialah Rapiee Abang Medaud.PPM mempunyai senarai ahli yang disimpan di dalam sebuah buku, Dan Abang Han dilantik menjadi pustakawan untuk menjaga buku-buku kelab. Awang Rambli ialah setiausaha manakala Mohammad Sirat ialah Presiden PPM dan ahlinya termasuk Tambek, Amin, Morsidi, Rosli dan lain-lain. Kelab PPM terletak dikampung tengah, Berdekatan dengan masjid dan terletak kira-kira tujuh minit dari kelab.

Arden Clarke berasa jengkel dengan poster antipenyerahan di kucing, banyak pelekat di pamerkan dikampung dan bandar semperna pemasyuruan Beliau sebagai Gabenor. poster itu telah dirakam oleh wartawan dari Britian yang meliputi upacara itu. polis diarahkan untuk menurunkan poster berkenaan dan mendengar berita itu penduduk pun menurunkan poster tersebut sebelum kedatangan pihak polis, tetapi menaikkan semula pada pagi esok pada awal pagi 2 Nopember sebanyak 20 anggota polis yang bersenjata, kebanyakkan mereka dari luar balai polis luar Kuching datang dan merosakkan poster di jalan Datu. Arden Clarke dijadualkan mengunjungi Sibu dan poster dibandar itu turut diarahkan diturunkan.<sup>34</sup>

<sup>34</sup> Nazri, "Pergerakan Anti-Cession", Berita harian ( 21 October 2009)

Awang Rambli dan Abang Han diberikan tanggungjawab untuk menghadap Gabenor di pejabat Residen, Merayu supaya Arden Clarke mengemukakan rayuan kepada kerajaan British. Namun, Arden Clarke memaklukan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa, Jadi mereka pun keluar dari pejabat itu. Mereka juga memberi tahu beliau tentang keizinan supaya Raja Muda Anthony Brooke diberi keizinan supaya memasuki Sarawak dan sekali lagi Arden Clarke memberitahu beliau tidak mempu berbuat apa-apa karena bidang itu terletak di bawah setiausaha tanah jajahan takluk. Berita itu disampaikan kepada Barisan Pemuda Sarawak.

Semua pihak menyokong perjuangan antipenyerahan kecawa dengan berita itu.Arden Clarke dijangka mengadakan kunjungan terakhir di Sibu pada Juli 1949 sebelum menamatkan perkhidmatannya. sambutan terhadapa lawatan beliau begitu dingin karena pegawai kerajaan, Penghulu, Ketua Kampung dan para penduduk tidak menyambut kedatangan beliau.Dan orang ramai mengadakan tunjuk perasaan dengan menampalkan beratus-ratus poster dan memasang kain rengtang di hadapan rumah mereka selama dua hari.ketika di Sibu, Arden Clarke memberitahu mereka yang hadir bahawa beliau akan memegang jawatan sebagai Gabenor di Gold Cost,Africa.ucapan beliau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Residen bahagian ketiga,Bencort.<sup>35</sup>

Mereka juga mengadakan demostrasi. satu daripada tunjuk rasa yang dijalankan adalah pada 13 September 1948 ketika seorang pegawai British

<sup>35</sup> Achie Nordi, "Petualang Dan Pensubahat British: Satu Penelitian Terhadap Pemikiran Intelektual Melayu Antipenyerahan Di Sarawak, 1946-1950" (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009), 45.

melawat Sibu. pihak British bertindak balas dengan menangkap dan akhirnya memenjarakan Awang Rambli dan Abang Han selama dua bulan atas kesalahan mengadakan demostrasi haram. tetapi ternyata tindakan itu sama sekali tidak mematahkan semangat juang mereka.Ini merupakan kemuncak tentangan dan kemarahan kumpulan radikal yang tidak bersetuju Sarawak di serahkan secara terus kepada pemerintahan Kolonial di England.kumpulan berkenaan dipimpin oleh Awang Rambli bertujuan mengembangkan tenaga muda Melayu dengan PKMS untuk menentang penyerahan berkenaan.

Awang Rambli berpendapat memandangkan bantahan secara halus termasuk menggunakan poster tidak mendatangkan hasil, Maka tindakan keras perlu diambil bagi memastikan agenda dan matlamat mereka tercapai. Sesungguhnya, Gerakan antipenyerahan selama lima tahun berlaku dua tahap.pertama, tahap gerakan berpelembagaan dari 1946 hingga 1949, Dua tahap pergerakan di luar perlembagaan yaitu satu pergerakan sulit, Radikal dan menggunakan kekerasan 1949-1951. Dalam surat yang disiarkan pada 24 oktober, Awang Rambli menulis “Kedatangan Tuan Gabenor George Stearwd ke Sarawak sebagai seorang Gabenor buat mengantikan Sir Charles Arden Clake tetap menerima suara-suara bangkangan daripada Rakyat *anti-cession* di seluruh Bahagian ketiga.<sup>36</sup>

Bangkangan ini harus lebih hebat daripada yang sudah-sudah,cara sambutan *anti-cession* itu sudah kami atur dan catur, yaitu Cuma menunggu keputusan sahnya saja. Satu persidangan setiausaha-setiausaha cawangan

<sup>36</sup>Razak Iskandar, *Rosli Dhoby Pejuang Atau Pembunuh* (Kuala Lumpur: Prima, 2005), 45.

PPM di seluruh Bahagian Ketiga buat memutuskan perkara tersebut akan diadakan dengan seberapa segera”beliau mengatakan ahli PPM tidak harus khuatir untuk membangkang pendirian Gabenor dan menganggap perbuatan yang haram itu tentu akan menerima hukuman yang setimpal. Gabenor berkenaan akan mengatakan bahawa beliau sepatutnya mendapat maklum balas rakyat terlebih dahulu, Dan bukan nya hanya memerintah”orang-orang yang tidak sanggup negeri dan bangsanya terkena jajah”.

Sekiranya beliau ke Sarawak, Kata Awang Rambli, Rakyat *anti-cession* hanya menyifatkan beliau sebagai tetamu atau peninjau,”akan tetapi batang tubuh nya tidak kami nanti.”mengikut Awang Rambli, PPM berjaya menunjukkan perasaan mereka terhadap perbuatan kerajaan Britsh menakluki Negeri Sarawak.PPM berjaya mengadakan perarakan mengelilingi Kampung-Kampung dan pasar dengan membawa poster antipenyerahan dan bendera kebangsaan Negeri Sarawak.PPM menyifatkan hari berkenaan sebagai hari perkabungan karena tanah air yang merdeka telah bertukar tarafnya menjadi Mahkota Koloni oleh pejabat Kolonial Vyner Brooke dan rakan-rakannya dengan cara yang beliau sifatkan sebagai putar belit. justeru PPM tidak mahu undur setapak pun dalam perjuangannya sebaliknya akan terus membantah sehingga kemerdekaan tercapai. PPM meluahkan apa yang terbuku di hati masyarakat.

Pertama, Tentang wang 10,000 dollar yang diberikan kepada Datu-Datu yang “ada meletakkan tandatangan di atas surat-surat perjanjian pada 6 Januari 1946 itu memang patut dikata wang korupsi karena Tuan MacBrayan

itu tidak akan mengeluar wang itu jika tidak ada sebabnya. Jika wang itu diberi kepada Datu-Datu sebagai wang bantuan kesusahan di dalam masa pemerintahan Jepang. Kerajaan Britsh mengatakan jikalau Rajah Muda Anthony Brooke dibenarkan masuk ke Sarawak barang kali huru hara akan tercetus. PPM tidak bersetuju dengan pendapat sedemikian. Namun PPM mendapat bahawa pembalahan dalam kalangan Rakyat di sebabkan tindakan Charles Arden mengeluarkan surat pekeliling Nomor 9 untuk mematikan perasaan Rakyat yang menentang penyerahan.

Ranee muda dan Dayang Muda dihormati oleh Rakyat Sarawak di semua tempat yang dilawati mereka, Namun mereka tidak diberi cukup kebebasan oleh pihak berkuasa. ketika mereka berdua di Sarawak,kata Awang Rambli tidak pula timbul huru hara, Jesteru jika Anthony Brooke dibenarkan berkunjung ke Sarawak, Beliau yakin tidak akan berlaku Huru Hara.PPM menganggap pihak Britsh takut tembelangnya pecah.kedegilaan kerajaan Britsh tidak dapat diteruskan karena segala tanda kebenaran sudah di dalam tangan Anthony Brooke.kata Beliau,”pergerakan Pemuda Melayu Bahagian Ketiga tidak suka berpecah belah sesama sendiri.kita mesti berbaik-baik sama sebangsa dan senegeri, Tiap-tiap badan bumiputera itu memang ada menaruh cinta kepada tanah air dan kaum bangsanya. kita ingat kata pepatah, Tetak air tidak akan putus. Oleh itu,kami mesti memperbaiki masyarakat bangsa kami yang telah lama sedang rosak itu”.<sup>37</sup>

<sup>37</sup>Mahdi Suri, *Sejarah Pergerakan Anti-Cession dan Bermulanya perjuangan dan penentangan Cession* (Kuala Lumpur: Prima, 2010) ,10.

## E. Pembunuhan Pemimpin Politik Dunia

Kondisi keselamatan di Sarawak pada tahun 1948 dan 1949 adalah terkawal berdasarkan laporan Tahunan Polisi Sarawak, Terdapat penurunan dalam jumlah kes jenayah termasuk pembunuhan dalam tahun berkenaan. Terdapat 11 kes pembunuhan berbanding 32 dan 38 serangan teruk berbanding 68 pada tahun 1947. tangkapan dibuat terhadap semua 11 kes pembunuhan dari segi kes kecurian pada dekad 1940-an, Jumlah kes yang dilaporkan pada 1940 ialah 1, 036 kes dan pada 1948 terdapat 879 kes mengikut A.C Maxwell, Pesuruhjaya Polis Sarawak dalam laporan bertarikh 28 Februari 1949, Angka tersebut membuktikan kemajuan jabatan penyiasatan jenayah di Tanah Jajahan.

Dari segi nisbah dengan penduduk seramai 550,000 ketika itu, Jumlah anggota polisi tidak mencukupi untuk menangani kes dan kawasan Sarawak seluas sekitar 50,000 batu persegi. Pada tahun 1949, Jumlah anggota Sarawak *constabulary* terdiri daripada lapan orang pegawai diwartakan, Sembilan belas orang inspektor dan 1,037 pegawai yang dikategorikan sebagai *non-commisioned*.kuatan anggota polisi adalah 81 orang di bawah jumlah yang sepatutnya.

Pembunuhan terhadap pemimpin, Termasuk pemimpin politik bukan perkara baharu di dunia. Sejak awal sejarah manusia banyak nyawa pemimpin besar dunia yang melayang baik Julius Caeser, Thomas Becket, Henri IV. Di negara ini pula, Masyarakat tempatan bertindak balas dan melancarkan tetangan terhadap penjajahan Britsh, Termasuk

tentangan Dol Said di Naning,Yamtuah Antah di sungai ujung di Terengganu.Dan J,W.W Birch menemui ajalnya di tangan pejuang tempatan dan merupakan pembunuhan yang sangat terkenal di masyarakat kita baik yang muda mahupun yang tua.

Di Sarawak, Semangat nasiolisme turut membara di jiwa anak muda. mereka ingin membunuh pengawal British dan ingin mengusir pihak British dari bumi Sarawak .Kehilangan kuasa yang diwarisi sejak turun-temurun oleh kaum pribumi akibat pencerobohan mebangkitkan kemarahan kaum pribumi.mereka menentang pengusaan British, Malah mereka sanggup berkorban nyawa.kegagalan perjuangan penentangan Syarif Masahor, Misalnya adalah karena dan persatuan dan kerjasama tidak wujud di dalam kalangan massyarakat.<sup>38</sup>

Tetapi di Sarawak semangat anak muda sangat membara dan bersatu dalam ingin memastikan kemerdekaan Negeri yang tercinta. mereka mahu pegawai British dinyahkan dari bumi Kenyalang bagi memastikan Sarawak mendapat kemerdekaan dengan cepat. golongan berdarah muda seperti Rosli Dhoby sudah tidak sabar dengan perkembangan yang berlaku karena semangat antipenyerahan semakin membara dalam diri mereka. dan sumpah ikatan sulit tetap teguh di dalam hati mereka, Rosli Dhoby berjanji untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya. Beliau begitu yakin dapat melakukannya apatah lagi dengan galakkan daripada rakan-

<sup>38</sup>Ibid., 34.

rakannya lain terutamanya Awang Rambli yang memberi jaminan untuk menyokong tindakan Beliau.

